

17/08/2001

Gejala sosial remaja membimbangkan

Mohd Yusof Sulaiman

NEGARA dan masyarakat semakin bimbang dengan masalah sosial yang melanda remaja kita hari ini. Kegiatan tidak bermoral di kalangan pelajar semakin menjadi-jadi dan cukup meresahkan.

Satu demi satu cerita ngeri membabitkan pelajar kita dengar - daripada pembunuhan, pembuangan bayi, rogol dan paling terkini, pembabitan mereka dalam kegiatan Black Metal.

Kegiatan pelajar itu ada kalanya melampaui batas sehingga tergamak membakar dan memijak al-Quran, memuja syaitan dan mengamalkan seks bebas.

Permasalahan membabitkan remaja ini dipandang serius oleh kerajaan kerana menyedari golongan ini pewaris pemerintahan dan pembangunan negara pada masa depan.

Masalah sosial yang melanda pelajar kini bukan lagi boleh dipandang mudah. Amat sedih sekiranya statistik yang dikeluarkan mendapati peratusan pelajar dalam kegiatan jenayah cukup tinggi.

Berdasarkan statistik polis, 1,528 kes jenayah dan 2,971 tangkapan dibuat membabitkan pelajar berumur antara tujuh hingga 18 tahun di seluruh negara sepanjang dua tahun lalu.

Daripada jumlah yang ditangkap, 202 adalah pelajar berusia tujuh hingga 12 tahun, 13 hingga 15 tahun (1,303 pelajar) dan 16 hingga 18 tahun (1,466 pelajar).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, berkata tahun lalu saja, 1,502 kes dikesan membabitkan 2,714 tangkapan. Daripada jumlah itu, 170 pelajar berusia antara tujuh dan 12 tahun, 1,155 pelajar berusia antara 13 hingga 15 tahun manakala 1,389 lagi berusia antara 16 hingga 18 tahun.

Jika keadaan ini berterusan, bagaimana kita dapat melahirkan masyarakat bermutu bagi meneruskan pembangunan negara?

Banyak faktor yang mendorong kepada permasalahan ini. Bagaimanapun, kita perlu mencari punca dari akar umbinya. Dalam hal ini, kita boleh mempersoalkan sama ada pelajar diberikan pendidikan moral atau agama dengan sempurna.

Adakah guru agama memberi didikan berkesan supaya pelajar mereka tidak terpesong dengan melakukan kegiatan atau perkara bertentangan dengan agama atau undang-undang negara?

Pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kurangnya didikan agama sebagai punca mengapa ramai pelajar terjebak dalam kegiatan sosial seperti Black Metal, pornografi dan jenayah seksual, perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak.

Perdana Menteri berkata, ketidakberkesanan didikan agama mengundang pelbagai gejala sosial dan menggoncang kesejahteraan masyarakat.

"Jika dulu kanak-kanak bebas daripada pengaruh gejala sosial, tetap kini perkara itu berlaku sebaliknya," katanya dalam Dialog Belanjawan 2002 di Putrajaya baru-baru ini.

Perdana Menteri mendedahkan wujudnya pengedaran bahan lucah di kalangan murid tadika.

"Pengedaran bahan lucah sekarang ini berleluasa, budak-budak tadika pun dapat bahan ini.

"Saya dapat tahu daripada cucu saya sendiri. Saya agak terkejut macam mana di tadika pun mereka boleh dapat ini," katanya.

Punca ketidakberkesanan sistem pendidikan agama ketika ini terjawab apabila Perdana Menteri mengupas sikap segelintir pendidik, khususnya guru agama yang tidak amanah.

Mereka mendidik pelajar dengan sentimen membenci kerajaan, bukannya mengajar ilmu agama.

Tegas Dr Mahathir, keadaan itu membuatkan pelajar menerima didikan agama yang longgar sehingga mudah terpengaruh dengan budaya tidak sihat.

"Sebenarnya, saya tidak suka nak kata (perkara) ini, tapi kalau guru agama lebih tumpu kepada politik dan menimbul kebencian kepada kerajaan dan tidak mengajar agama Islam, maka budak ini tiada asas agama," katanya.

Ajaran membenci kerajaan yang bertentangan dengan dasar pendidikan Islam itu ternyata bercanggah matlamat asal pengenalan mata pelajaran itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memperkenalkan mata pelajaran agama bukan untuk diputarbelitkan tetapi mahu mengembangkan pengetahuan agama dan menjelaskan sebarang kekeliruan mengenai agama, termasuk dari segi larangan serta kewajipannya.

Namun, katanya, usaha itu seolah-olah dipandang mudah oleh guru agama kerana lebih mengutamakan perjuangan politik.

"Malangnya, kita dapati ramai juga guru yang tidak peduli langsung mengenai pelajaran agama, sebaliknya menumpu kepada politik dan menimbulkan kebencian terhadap kerajaan di kalangan pelajar.

"Dengan itu, pelajar terkeliru. Mereka tidak tahu apa yang dilarang oleh agama," katanya.

Tidak salah jika Dr Mahathir menuding jari kepada guru agama mengenai punca kemelut sosial yang melanda pelajar sekarang.

Buktinya, tahun lalu, seorang guru agama di Sekolah Menengah Agama Sultan Muhammad di Batu Berendam, Melaka, yang berusia dalam lingkungan 50-an dikatakan menghasut pelajar membenci kerajaan.

Jelas di sini, wujud bibit-bibit menanam kebencian guru kepada pelajar sekolah. Mereka tidak lagi mengutamakan kewajipan sebagai murabbi (pendidik) tetapi lebih mementingkan perjuangan politik.

Walhal guru sepatutnya menjalankan amanah dengan baik, mendidik pelajar dengan ilmu berguna supaya pelajar yang bakal mewarisi negara menjadi insan mulia.

Guru yang tidak berhemah dan menyalahgunakan kuasa bagi tujuan politik semestinya mempunyai niat tersendiri.

Selain penerapan sentimen membenci kerajaan, ada guru didakwa ingin melahirkan pelajar yang dapat membantu perjuangan pembangkang, khususnya selepas menamatkan alam persekolahan.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berkata: "Kita beri amanah kepada mereka untuk menyampaikan ajaran Islam sebenar, sebaliknya mereka mengabaikan tanggungjawab dan cuba mengembangkan politik parti lawan untuk menentukan apabila pelajar ini membesar, akan menyertai parti lawan."

Dalam keadaan kemelut sosial yang melanda pelajar ketika ini, pastinya kepincangan pengajaran agama tidak boleh dibiarkan.

Tindakan pantas Kementerian Pendidikan seperti mana yang diilhamkan Perdana Menteri, iaitu mewajibkan setiap guru agama menghadiri kursus, adalah langkah bijak bagi membendung kepincangan profesion perguruan agama di negara ini.

Langkah itu, secara tidak langsung, dapat memperbetulkan sikap negatif segelintir guru yang tidak menjalankan amanah.

"Kita kena bagi kursus kepada guru, kita kena kumpul mereka semula dan menjelaskan kepada mereka mengenai salahnya perbuatan mereka.

"Ber dosa mereka buat macam itu kerana mereka tidak amanah," katanya.

Tidak dinafikan, sedikit sebanyak ceramah dan ilmu yang disampaikan ketika menghadiri kursus itu dapat dimanfaatkan untuk memulihkan kepincangan sikap yang sudah dilakukan sebelum ini.

Dalam pada itu, usaha itu pastinya dapat meningkat dan mengukuhkan pengajaran serta pembelajaran pendidikan Islam.

(END)

